

Kerahan tenaga jika perlu: Mahathir;

LANGKAWI, 11 AUG 1992

LANGKAWI, 11 — Kerajaan akan memperkenankan kerahan tenaga jika masalah kekurangan anggota tentera tidak dapat diatasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerahan tenaga itu akan dipertimbangkan jika kerajaan tidak mempunyai cara lain bagi mengatasi kekurangan anggota tentera.

"Jika kita tidak dapat mengatasi masalah itu, kita menimbangkan untuk mengenakan kerahan tenaga. Kalau boleh dapat, tak apalah," katanya

kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Mat Sirat di sini, pagi ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas menamatkan lawatan empat hari di pulau ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kenyataan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Yaacob Mohamad Zain, bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menghadapi masalah kekurangan anggota yang membimbangkan, seperti yang dihadapi sektor perindustrian.

Menurut Yaacob, masalah itu dihadapi dalam ketiga-tiga cawangan angkatan tentera untuk melatih anggota baru, termasuk pegawai tentera.

Yaacob berkata, bilangan orang awam yang menyertai ATM berkurangan kira-kira 500 orang setiap tahun.

Menurutnya, ATM bercadang mengambil 6,000 anggota setahun bagi menggantikan kira-kira 4,000 anggota yang berhenti dan bersara.

Dr Mahathir berkata,

jika ATM boleh mengatasi kekurangan anggota menerusi pengambilan biasa seperti yang dilakukan sekarang, kerajaan tidak akan melaksanakan kerahan tenaga.

Ditanya mengenai tindakan segera yang perlu dilaksanakan bagi mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum mengambil sebarang tindakan kerana ia adalah satu fenomena baru.

Menurutnya, masalah itu mungkin timbul berikutan semakin banyak peluang pekerjaan lain.